



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
P E R D A N A

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	MALAYSIA KINI
Date	20 APRIL 2016

Apa akan terjadi jika Najib tidak mahu meletak jawatan?

Kita hanya terdaya melakukan apa yang dibenarkan oleh undang-undang, dan menanda tangani petisyen dan membuat tuntutan berdasarkan suara rakyat. Jika itu tidak berjaya, kita terpaksa bertempur dengan beliau dalam pilihanraya umum akan datang.

Najib seteruk itu?

Terbukti Najib sangat teruk untuk negara ini.

Sementara itu, Zaid meminta sukarelawan Amanah untuk mendapatkan 30,000 tanda tangan menyokong Deklarasi Rakyat. Dalam ucapannya, bekas menteri Umno itu menggesa para sukarelawan masyk ke bandar-bandar dan kampung-kampung untuk mendapatkan seberapa banyak tandatangan rakyat Kelantan.

“Saya beritahu mereka betapa pentingnya untuk menanda tangani deklarasi itu. Ia mahu menunjukkan penolakan rakyat kepada pemimpin yang gagal menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik. Ia adalah penolakan Najib sebagai perdana menteri dan menteri kewangan, kerana tempoh beliau telah menyebabkan kerajaan rugi lebih RM40 bilion - kerugian yang terpaksa ditanggung oleh kita.

“Ia penolakan ke atas kabinet beliau kerana kecuaiannya, dan penjawat awam kanan dalam Kementerian Kewangan dan Perbendaharaan yang gagal memantau aktiviti IMDB lebih enam tahun. Ia juga penolakan Umno sebagai parti politik yang gagal mempertahankan hak Melayu dan negara,” tambahnya.

www.malaysiakini.com